

Pembuli Siber

Mohamed Bahari Rajab



Sempena hari lahir Nabil dan Nabilah yang ke dua belas, ibu telah menghadiahkan mereka sebuah telefon bimbit bijak model terbaru.

“Banyak aplikasi yang menarik yang saya boleh muat turun,” bisik hati Nabilah.

Nabilah sangat suka akan telefon bimbitnya yang baharu itu. Dia boleh **menyunting** gambar-gambar yang diambilnya.

Ramai teman Nabilah menyuruhnya memuat naik gambar-gambar itu di dalam media sosial. Namun, Nabilah tidak pernah ada akaun media sosial sebelum ini. Nabilah **teruja** untuk membuka akaun media sosialnya sendiri.

“Saya rasa ibu tidak akan marah jika saya buka akaun media sosial,” fikir Nabilah.

Nabilah mengajak Nabil membuka akaun di media sosial bersamanya. Nabil





keberatan kerana dia tidak ingin pisang berbuah dua kali. Dia tidak mahu **lalai** seperti dulu.

Ramai yang ingin menjadi kawan Nabilah di media sosial. Semua terpegun melihat bakat Nabilah menyunting gambar-gambar. Ramai yang memberi 'emoji' dan menulis pujian untuk semua gambarnya.

Saban hari, ramai yang meminta menjadi kawan Nabilah. Pada awalnya, Nabilah teliti memilih siapa yang dia benarkan menjadi temannya. Namun, akibat terlalu ramai orang yang perlu dia **saring**, Nabilah akhirnya menerima sesiapa sahaja yang ingin berkawan dengannya.

Nabilah pun mula berswafoto. Tidak kira pagi atau petang, dia akan sentiasa memuat naik gambarnya yang terkini di media sosial. Ada kalanya, gambar yang diambil Nabilah ada telinga kucing atau gigi arnab. Nabil tidak faham kenapa Nabilah suka ambil gambar sedemikian. Nabil hanya menggeleng-geleng kepalanya meilih **telatah** Nabilah berswafoto.



“Nabilah, guru disiplin sudah mengingatkan kita bahawa telefon bimbit hanya boleh digunakan selepas waktu sekolah. Nabil lihat Nabilah sentiasa memegang telefon bimbit itu. Nabilah, tidakkah awak takut telefon awak **dirampas** guru?” tanya Nabil.

“Nabilah hanya ambil gambar sahaja. Pengikut-pengikut Nabilah di media sosial ingin tahu perkembangan seharian Nabilah. Nabilah ingin jadi

seperti selebriti-selebriti yang sentiasa memuat naik gambar mereka," jelas Nabilah.

Nabil hanya menggeleng-gelengkan kepalanya sambil menasihati Nabilah agar jangan leka dengan media sosial.

Pada satu malam, Nabil terdengar Nabilah menangis. Nabil cuba bertanyakan sebab Nabilah begitu.

"Nabil. Lihatlah komen ini. Sakit hati Nabilah membacanya."

Nabilah tidak kenal siapa yang menulis komen itu. Akaun media sosial orang itu cuma ada gambar seekor kucing. Nabilah **syak** ia mungkin rakan sekelasnya kerana ramai yang mengikutnya ialah rakan-rakan sekelasnya. Nabilah tidak dapat terima **kecaman** begitu.




Nabil mendekati Nabilah untuk memujuknya. Dia menyuruh Nabilah agar bertenang. Nabil juga bersetuju yang perbuatan itu tidak bertanggungjawab. Dia mencadangkan Nabilah melaporkan perkara tersebut kepada guru disiplin, Cikgu Murni, bila di sekolah esok.

Semasa kelas CCE, Cikgu Murni menerangkan kepada murid **etika** semasa di media sosial. Cikgu Murni menjemput Nabilah untuk berkongsi pengalamannya. Nabilah memberanikan diri untuk menceritakan apa yang terjadi kepadanya kepada seluruh kelas.

Cikgu Murni mengambil peluang itu untuk menerangkan kepada murid apa yang mereka boleh





Adab di Media Sosial

1. Pastikan ibu bapa tahu tentang media sosial yang kamu ada.
2. Jangan terima sembarang rakan yang tidak dikenali sebagai kawan di media sosial.
3. Jika tidak mahu gambar dilihat oleh semua orang, set gambar itu ke 'sulit' atau hadkan gambar-gambar yang perlu.
4. Komen perkara-perkara yang positif sahaja.
5. Minta bantuan ibu bapa atau orang dewasa jika berasa tidak selesa melihat komen atau gambar di media sosial.

dan tidak boleh dilakukan apabila menggunakan media sosial.



Semasa di kantin, Amri, rakan sekelasnya, duduk di sebelah Nabilah. Nabilah berasa pelik kerana Amri selalunya akan duduk bersama rakan-rakan lelaki yang lain.

“Maafkan saya Nabilah. Saya sebenarnya cemburu akan bakat awak dan awak ada ramai pengikut. Saya yang menulis komen-komen yang tidak baik itu. Maafkan saya, Nabilah.” rayu Amri.

“Saya maafkan awak Amri. Kalau awak sudah belajar kesilapan awak baguslah. Jangan guna gambar kucing lagi. Tidak kenalah dengan perwatakan awak. Hehe,” balas Nabilah.

Nabilah kini sedar tanggungjawabnya di media sosial. Rakan-rakan yang tidak kenalinya

sudah dikeluarkan daripada media sosialnya. Dia menghadkan gambar-gambar yang dimuat naiknya setiap minggu.

Nabil gembira Nabilah sudah menjadi pengguna media sosial yang bijak. Nabil pun membuka akaun media sosial dengan bantuan Nabilah.







Glosari

| | |
|-------------------|--|
| menyunting | mengedit |
| teruja | timbul minat |
| lalai | leka, alpa |
| saring | memilih |
| swafoto | gambar yang diambil sendiri |
| telatah | peranggai |
| dirampas | mengambil sesuatu dengan paksa |
| syak | perasaan kurang percaya |
| kecaman | kata-kata tentang keburukan orang lain |
| etika | nilai, akhlak |





Trivia

Tahukah kamu tentang Instagram. Lebih 95 juta gambar dimuat naik setiap hari dan 4.2 billion Instagram “likes” setiap hari.



Aktiviti Bersama Keluarga

Sila tonton Video dari “Child Exploitation and Online Protection (CEOP) atau ThinkUKnow YouTube Channels” bersama ibu bapa anda. Kemudian jawab soalan-soalan di bawah ini.

Kenapa kejadian tersebut terjadi?

Apa yang awak akan lakukan jika awak watakan tersebut?

Apa awak rasa sebagai ibu/ayah kepada watakan tersebut harus atau sepatutnya buat? Kenapa?

Sumber daripada:

https://www.saintandrewsjunior.moe.edu.sg/qql/slot/u180/Department_ICT_Slides_for_Parents_on_Cyber_Wellness.pdf

